



"ANULAE CARE"
KESATUAN PEKERJA-PEKERJA PENGUASA-PENGUASA TEMPATAN SEMENANJUNG MALAYSIA
GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)
SKIM BERKUMPULAN DANA RESTU DENGAN PELBAGAI MANFAAT NO GS 3068



KESATUAN PEKERJA-PEKERJA PENGUASA-PENGUASA TEMPATAN SEMENANJUNG MALAYSIA dengan kerjasama Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad, sebuah syarikat insurans hayat yang terbesar dan tertua di Malaysia melancarkan satu skim asurans berkumpulan khas "SKIM BERKUMPULAN DANA RESTU DENGAN PELBAGAI MANFAAT" dengan pulangan pelaburan berdasarkan prestasi Dana Restu yang diilustrasikan dalam jadual di bawah. Skim ini terbuka kepada semua ahli kesatuan, pasangan serta anak-anak mereka yang sah disisi undang-undang. Skim ini juga merangkumi perlindungan terhadap 36 penyakit kritikal yang disenaraikan.

HANYA RM1.00 SEHARI

Perlindungan Yang Ditawarkan dibawah skim ini

MANFAAT	Nilai perlindungan caruman Bulanan RM27 + 3 (elaun termasuk hospital)
36 Penyakit Kritikal	RM30,000
Kematian Biasa	RM30,000
Kematian Akibat Kemalangan	RM60,000
Hilang Upaya Total & Kekal (Akibat Penyakit)	RM30,000
Hilang Upaya Total & Kekal (Akibat Kemalangan)	RM60,000
Perbelanjaan Pengebumian	RM3,000
Elaun Kemasukan Hospital	RM30 Sehari
Jumlah Nilai Pelaburan	(berdasarkan harga bida semasa)

KEISTIMEWAAN SKIM INI !!!

- Premium yang sama untuk semua peringkat umur.
- Bayaran caruman bulanan melalui potongan gaji secara automatik menjamin perlindungan yang berterusan.
- Premium skim ini jauh lebih rendah berbanding dengan polisi individu.
- Ahli boleh meneruskan penyertaan dalam skim ini sehingga mencapai umur 65 tahun.
- Pengeluaran Wang Tunai Kecemasan:** Satu ciri istimewa skim ini ialah anda boleh menjual sebahagian daripada Unit Dana anda setelah menyumbang sekurang-kurangnya selama 12 bulan. Nilai pengeluaran **minimum** yang dibenarkan adalah **RM200** dan **tiada had maksima**. Perlindungan insurans akan berterusan lagi anda membuat sumbangan premium setiap bulan. Yuran pemprosesan sebanyak RM 10 akan dikenakan bagi setiap pengeluaran.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Ahli dan pasangan ahli yang sah disisi undang-undang yang berumur di antara 19 hingga 55 tahun pada harijadi berikutnya.
- Anak-anak yang berumur diantara 15 hari dan 19 tahun atau 23 tahun untuk penuntut sepenuh masa. Hanya anak-anak yang belum berkahwin dan belum bekerja boleh menyertai skim ini.
- Ahli perlu menyertai skim ini untuk membolehkan tanggungannya turut serta.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN ANAK-ANAK

- Anak-anak hanya boleh menyertai skim ini sekiranya pasangan yang sah bagi ahli yang diinsuranskan itu turut serta.
- Penyertaan untuk anak-anak sah adalah diwajibkan kepada anak bongsu terlebih dahulu, diikuti oleh anak-anak kedua, ketiga bongsu dan seterusnya.
- Sekiranya syarat-syarat di atas tidak dipatuhi, tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang tuntutan bagi anak yang diinsuranskan dan perlindungan akan tamat serta-merta dengan segala premium yang telah diterima (jika ada) dikembalikan.

36 PENYAKIT KRITIKAL

- | | |
|--|---|
| 1. Serangan Jantung | 19. Penyakit Terminal |
| 2. Strok | 20. Penyakit Neuron Motor |
| 3. Penyakit Arteri Koronari Memerlukan Pembedahan | 21. Jangkitan AIDS melalui Pemindahan Darah |
| 4. Kanser | 22. Penyakit Parkinson |
| 5. Kegagalan Buah Pinggang | 23. Penyakit Hati Kronik |
| 6. Hepatitis Viral Fulminan | 24. Penyakit Paru-Paru Kronik |
| 7. Transplantasi Organ Utama | 25. Trauma Kepala Yang Teruk |
| 8. Lumpuh / Paraplegia | 26. Anemia Aplastik |
| 9. Sklerosis Berbilang | 27. Distrofi Otot |
| 10. Hipertensi Pulmonari Arterial Primer | 28. Tumor Otak Benigna |
| 11. Buta | 29. Ensefalitis |
| 12. Penggantian Injap Jantung | 30. Poliomielitis |
| 13. Hilang Pendengaran / Pekak | 31. Pembedahan Otak |
| 14. Pembedahan Aorta | 32. Meningitis Bakteria |
| 15. Hilang Upaya Bertutur | 33. Penyakit Arteri Koronari Teruk yang Lain |
| 16. Penyakit Alzheimer / Penyakit Gangguan Otak Organik Tidak Akan Pulih | 34. Sindrom Apalik |
| 17. Terbakar Teruk | 35. Perlindungan AIDS bagi Kakitangan Perubatan |
| 18. Koma | 36. AIDS Peringkat Akhir |

Definisi terperinci penyakit kritikal (seperti yang termaktub di dalam polisi utama) perlu dipenuhi sebelum sebarang tuntutan manfaat 36 Penyakit Kritikal dibayar.

Perlindungan Yang Ditawarkan dibawah skim ini

BAHAGIAN A	100%
Kematian	100%
BAHAGIAN B	100%
Kehilangan Kegunaan kedua-dua belah tangan	100%
Kehilangan Kegunaan Kedua-dua belah kaki	100%
Kehilangan Penglihatan pada kedua dua belah mata yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan lagi	100%
Kehilangan kegunaan sebelah tangan dan sebelah kaki	100%
Hilang akal yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan	100%
Kecederaan yang menyebabkan terlanjar di katil selamanya	100%
Lumpuh Secara Menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan lagi	100%
Lain-lain kecederaan yang menyebabkan Hilang Upaya Total & Kekal	100%

Bagi kecederaan yang tidak disenaraikan di atas, pampasan akan dibayar mengikut kadar kehilangan yang dialami sebagaimana terkandung dalam Polisi Utama. (Pembayaran manfaat maksimum tidak akan melebihi 100% dari Jumlah Ansurans)

PENYAKIT KRITIKAL

- Bayaran tuntutan sekaligus akan dibuat sebaik sahaja ahli disahkan menghidap salah satu daripada 36 penyakit kritikal oleh pakar perubatan kerajaan / swasta yang berdaftar.
- Manfaat ini tidak akan dibayar untuk sebarang penyakit kritikal yang dihidap sebelum tarikh berkuatkuasa dan untuk penyakit kritikal yang didiagnosiskan buat pertama kali dalam tempoh 60 hari dari tarikh potongan gaji.
- Penyertaan ahli yang telah membuat tuntutan untuk manfaat ini akan tamat selepas manfaat ini dibayar.

KEMATIAN DAN HILANG UPAYA TOTAL & KEKAL (AKIBAT PENYAKIT / SECARA BIASA)

- Hanya 50% dari jumlah perlindungan asal akan dibayar sekiranya berlaku kematian / Hilang Upaya Total & Kekal dalam tempoh 2 tahun pertama dari tarikh perlindungan berkuatkuasa (hanya untuk permohonan yang diterima sepenuhnya dalam tempoh promosi).
- Walaupun bagaimanapun tiada sebarang tuntutan akan dibayar untuk kes-kes kematian/ hilang Upaya Total & Kekal yang berpunca dari penyakit sedia ada jika ahli gagal menyatakannya didalam borang permohonan.
- Jumlah penuh akan dibayar sekiranya Kematian/Hilang Upaya Total & Kekal berlaku selepas 2 tahun perlindungan.

KEMATIAN DAN HILANG UPAYA TOTAL & KEKAL (AKIBAT KEMALANGAN)

- Jumlah manfaat yang dibayar untuk Kematian/Hilang Upaya Total & Kekal adalah dua kali ganda jumlah manfaat Kematian/Hilang Upaya Total & Kekal akibat penyakit secara biasa.
- Hilang upaya sebahagian dan kekal akan dibayar mengikut Jadual Pampasan sebagaimana terkandung dalam Polisi Utama.

KEMASUKAN HOSPITAL

- Sekiranya ahli dimasukkan kemana-mana hospital kerajaan atau swasta untuk sebarang penyakit/kecederaan akibat kemalangan selepas 6 minggu dari tarikh potongan gaji, ahli tersebut layak untuk mendapat elaun kemasukan hospital sehingga had yang ditetapkan (contohnya RM30/sehari, tuntutan maksimum 500 hari. Walau bagaimanapun, jika anda dimasukkan ke hospital disebabkan oleh penyakit yang sedia ada sebelum tarikh berkuatkuasa, manfaat ini tidak akan dibayar.

MANFAAT PERSARAAN

- Sekiranya ahli mencapai umur 65 tahun dan tidak pernah membuat sebarang tuntutan utama di bawah skim ini, ahli akan menerima Nilai Tunai Polisi yang bersamaan dengan nilai penebusan kesemua unit yang ada berdasarkan harga bida semasa untuk Dana Restu.

NILAI PENYERAHAN TUNAI

- Sekiranya ahli memutuskan untuk memberhentikan caruman sebelum mencapai umur 65 tahun, tetapi telah menyertai skim ini selama sekurang-kurangnya 12 bulan, ahli akan menerima nilai tunai polisi yang bersamaan dengan nilai penebusan kesemua unit yang ada berdasarkan harga bida semasa untuk Dana Restu.

BELANJA PENGKEBUMIAN

- Manfaat ini adalah tambahan kepada manfaat kematian.

Semua permohonan yang diterima dalam tempoh promosi khas akan dikecualikan dari pemeriksaan perubatan

Anggaran Nilai Kematangan pada usia 65 tahun sekiranya anda menabung RM30 sebulan
(tidak termasuk premium tambahan untuk manfaat hospital)

Tempoh Polisi	Jumlah Caruman	Contoh Nilai Pulangan	
		9 % (RM)	2 % (RM)
10	3,600.00	599	430
15	5,400.00	1,085	652
20	7,200.00	1,760	877
		6% (RM)	2% (RM)
30	10,800.00	3,142	1,343

"Nilai pulangan skim di atas adalah anggaran semata-mata.

Pulangan sebenar skim ini mungkin berbeza bergantung kepada faktor seperti caj insuran, komisen agen serta 1.45% caj pengurusan dana."

Anggaran diatas adalah berdasarkan kepada andaian berikut:

- Jumlah peserta di dalam skim ini adalah sekurang-kurangnya 10,953 orang pada setiap masa.
- Purata umur peserta skim ini adalah 46 tahun.
- Tiada kadar kematian yang luarbiasa.

PERUNTUKAN PREMIUM

Tahun Polisi		1 - 16	17 dan seterusnya
Premium Dibayar		360	360
Premium Diperuntukan	%	88%	98%
	RM	316	352

DANA RESTU

- Dana Restu membolehkan wang ahli yang menyertai skim ini dikumpulkan bersama-sama dengan pelabur lain dan ahli skim ini akan mendapat manfaat daripada pelaburan didalam portfolio yang dipelbagaikan.
- Sebagai tambahan, Dana Restu membuat pelaburan hanya didalam sekuriti dan pelaburan lain yang dibenarkan mengikut undang-undang Syariah. Untuk memastikan pelaburan anda dibuat mengikut undang-undang Syariah, kami telah melantik penasihat yang bertauliah di dalam urusan Syariah, berkaitan dengan Dana Restu.
- Premium pelaburan anda akan digunakan untuk membeli unit-unit didalam Dana Restu. Dana ini diuruskan oleh pengurus dana Great Eastern. Matlamat pengurus dana adalah untuk mencapai pulangan yang terbaik dan konsisten dengan polisi pelaburan jangka sederhana dan jangka panjang Dana Restu ini.
- Sila ambil perhatian bahawa ia bukanlah sejenis pelan Takaful dan oleh kerana anda akan mendapat manfaat penuh apabila prestasi pelaburan menguntungkan, anda juga menanggung sepenuhnya risiko pelaburan skim ini.

SOALAN DAN JAWAPAN

- S Bolehkah pasangan dan anak-anak ahli terus menyertai skim ini sekiranya ahli itu mati/hilang upaya kekal/menghidapi penyakit kritikal sebelum mencapai umur 65 tahun?**
J Ya. Mereka boleh terus menyertai skim ini sehingga mencapai umur 65 tahun dengan syarat bayaran premium dibuat melalui kesatuan.
- S Bolehkah ahli/pasangan/anak-anak ahli memohon untuk menambahkan caruman mereka?**
J Ya. Mereka boleh menambah caruman selepas tamat tempoh promosi dengan melengkapkan Borang Pemohonan Berkumpulan lazim untuk pengesahan oleh Great Eastern. Walaubagaimanapun, penambahan caruman tidak boleh melebihi faedah maksimum yang ditetapkan.
- S Adakah Great Eastern akan membayar manfaat kematian penuh jika ahli didapati membunuh diri?**
J Ya. Great Eastern akan membayar penuh manfaat kematian hanya jika polisi telah berkuatkuasa untuk sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan.
- S Bolehkah ahli meneruskan penyertaan meskipun telah bersara sebelum mencapai umur kematangan 65 tahun?**
J Ya. Ahli boleh berbuat demikian dengan syarat pembayaran premium diteruskan samada secara terus kepada Great Eastern ataupun melalui potongan premium menerusi bank (FPX) atau bayaran terus kepada kesatuan.
- S Bolehkah pasangan dan anak-anak ahli menikmati nilai perlindungan yang lebih tinggi berbanding dengan ahli?**
J Tidak. Nilai perlindungan pasangan dan anak-anak haruslah sama atau lebih rendah berbanding nilai perlindungan ahli.

PENGECUALIAN SKIM INI

KEMATIAN/HILANG UPAYA TOTAL & KEKAL / HILANG UPAYA SEBAHAGIAN & KEKAL (akibat kemalangan)

- Berpunca daripada sebarang percubaan dengan niat mencederakan diri-sendiri sama ada siuman atau tidak siuman.
- Kecederaan tubuh-badan yang alami semasa dalam penerbangan mana-mana pesawat kecuali sebagai penumpang dalam pesawat yang mengikut jadual penerbangan secara regular.
- Wujud sebelum tarikh berkuatkuasa.
- Akibat daripada peperangan sama ada diisytiharkan ataupun tidak.
- Akibat daripada serangan kemarahan yang dibangkitkan, ketagihan dadah, sebarang bentuk perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki), scuba-diving (selam scuba) dan memburu.

PENYAKIT KRITIKAL

- Sebarang penyakit kritikal yang dihadapi sebelum tarikh perlindungan berkuatkuasa.
- Didiagnosis dalam tempoh 60 hari pertama dari tarikh potongan gaji.
- Sebarang penyakit kritikal yang berkaitan dengan penyakit sedia ada atau komplikasi fungsi tubuh badan yang wujud sebelum tarikh perlindungan berkuatkuasa.

TUNTUTAN ANAK-ANAK

- Apabila berlaku kematian atau diagnosis penyakit kritikal sebelum anak yang diasuranskan mencapai umur 5 tahun, manfaat kematian, hilang upaya total & kekal serta penyakit kritikal akan dikurangkan menurut jadual berikut:

Umur Pada Hari Jadi Akan Datang	Jumlah Yang Dibayar Apabila Mati Atau Diagnosis Kejadian Utama
1	20% Jumlah Asurans
2	40% Jumlah Asurans
3	60% Jumlah Asurans
4	80% Jumlah Asurans
5	100% Jumlah Asurans

NOTIS PENTING

- Borang Permohonan anda hanya sah untuk tempoh enam (6) bulan dari tarikh permohonan. Borang permohonan yang lengkap diisi harus dikembalikan segera untuk mengelakkan sebarang kelewatan.
- Mengikut seksyen 186(2) Akta Insurans 1996, Penyelaras kesatuan di sini menyatakan bahawa mereka akan menerima sebanyak 2% daripada jumlah keseluruhan premium sebagai yuran perkhidmatan.
- Pembelian polisi berkait pelaburan adalah komitmen jangka panjang. Justeru itu, pembatalan awal polisi ini akan melibatkan kos yang tinggi dan mungkin menjejaskan nilai pengeluaran yang bergantung sepenuhnya kepada nilai pasaran lazim bagi aset didalam dana unit ini; Oleh itu, nilai pengeluaran mungkin kurang berbanding premium keseluruhan yang dibayar.
- Anda juga dinasihatkan supaya membaca dan memahami Illustasi Jualan (Sales Illustration) yang boleh didapati daripada pemilik polisi induk/ ejen masing-masing untuk maklumat yang lebih lengkap mengenai skim ini.
- Satu "tempoh memerhati bebas" selama 15 hari dari tarikh penerimaan polisi diberikan untuk anda menyemak kesesuaian pelan. Jika polisi dipulangkan kepada penanggung insurans dalam tempoh ini, syarikat akan membayar balik jumlah yang sama nilai dengan (a) nilai pelaburan polisi ini berasaskan kepada harga bida pada tarikh penilaian yang berikutan; dan (b) nilai pelaburan unit-unit yang telah dibatalkan untuk membayar caj insurans and yuran polisi; dan (c) jumlah premium yang belum diagihkan; ditolak perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan, jika ada (semasa tempoh promosi sahaja).
- Syarikat berhak mengubah kadar dalam Jadual Kadar Premium, serta terma dan syarat Polisi ini termasuk Syarat dan Peruntukan Am dari masa ke semasa dengan memberikan notis bertulis 3 bulan berkenaan niatnya untuk berbuat demikian.
- Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukanlah satu kontrak insurans. Pengecualian dan had-had manfaat yang ditonjolkan mungkin tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan akan dibuat kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam polisi yang dikeluarkan oleh Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.

AZIH BIN MUDA, PPN, PJK
PRESIDEN

RAMLI BIN KHALIL, PJK
SENIUSAHA AGUNG



ANULAE SEMENANJUNG MALAYSIA
74-2 Wisma Anulae,
Jalan Raja Bot,
50300, Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 9764
Fax: 03-2693 3186



PSM ASSOCIATE SDN BHD (561722-H)
Tingkat 4, Bangunan PSM
No 17B Jalan Bangsar
59200 Kuala Lumpur
TEL NO: 03-22821616 H/P (OFF): 012- 307 2811
FAX NO: 03-22821919 H/P (MKTG): 012- 375 9150
EMAIL: psmaniampsm@yahoo.com



Great Eastern
HEAD OFFICE
MENARA GREAT EASTERN, LEVEL 8
303 Jalan Ampang, 50450
Kuala Lumpur
Tel: 03- 48133856
Fax: 03- 42598899

CLAIMS SUBMISSION REQUIREMENTS

Dear Claimant,

The following documents must be submitted in order to process the claim:-

Claim Type : HOSPITAL BENEFITS

1. Group Hospital Benefits Form (Completed By Claimant) - enclosed
2. Potostat I/c
3. Discharge Note preferably or any other official document to prove the admission and discharge

Note: Kindly certify true copy on all documents that are not original copy. The supporting reports listed in No.2 must be obtained in order to process this claim without any interference or need for further queries by the insurer. Hence, by providing this report at the first submission, you will assure the claims process will be faster. If in any circumstance these report are not available, kindly provide us with a letter from the doctor confirming the non-existence of this report

Note: No liability is admitted by issuing this claim form

The completed documents can be returned to your union/organization or to us at:

PSM ASSOCIATES SDN BHD

Bangunan PSM, Level 4,

No. 17B, Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-22821616 (Hunting Line) Fax : 03-22821919

H/Phone : 012-3072811 (Office)

Email: psmaniampsm@yahoo.com

Tel No. :

E-mail :



CLAIM FORM FOR GROUP HOSPITAL BENEFIT

Hospital Benefit would not be paid if:

- (a) It is a pre-existing illness or accident which happened before the first payment, or while the policy lapsed.
- (b) In the first 6 weeks after the policy is reinstated, unless the injury is due to accident.

Untuk Kegunaan Pejabat
Previous Claims
Admitted/Ex-Gra
RM:

Name of Patient:

Scheme No:

SECTION 1 TO 4 SHOULD BE FILLED UP BY MEMBER**SECTION 1: PATIENT'S DETAILS**

Name of Patient:

☐ Member ☐ Spouse Cert No:

Date of Birth:

Sex: ☐ Male ☐ Female

Identity Card No (Old):

Identity Card No (New):

Occupation:

Address:

Monthly Premium: RM

Hospital Benefit Per Night: RM

SECTION 2

Nature of Injury or illness:

Accident

Date: Time: Place:

Were you at work at the time of the accident? ☐ Yes ☐ No

How did the accident occurrence:

SICKNESSDate of first occurrence: Have you been treated for this condition before? ☐ Yes ☐ No

If 'Yes', please complete (i), (ii), (iii) and (iv):

(i) Date and duration of first treatment:

(ii) Date and duration of other treatment (if any):

(iii) Name of physician: (iv) Clinic/Hospital:

SECTION 3: PRESENT CLAIM FOR THIS HOSPITALISATION

Name of Hospital:

Date Admitted: Date Discharged:

SECTION 4: MEDICAL INFORMATION AUTHORISATION AND DECLARATION

I hereby authorise any hospital or physician who has attended me to release all information concerning this claim as requested by Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad. A photocopy of this authorisation shall be as valid as the original.

I declare that the above particulars and answers are full, complete and true and that I have not withheld any relevant information.

Date

Signature of Patient (Claimant)

SECTION 5: DECLARATION (BY UNION OFFICER)

I hereby confirm the above statements are full, complete and true to the best of my knowledge.

Date

Designation

Signature

NOTES: Documents needed:-

1) Claims up to RM 1,000/- (a) Discharge Note, and (b) Medical Certificate

2) Claims above RM 1,000/- (a) Discharge Note, (b) Medical Certificate, and (c) Medical Report

GMBS-HBCLM-V00-012002

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A)

Head Office: Menara Great Eastern 303 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur Tel (603) 4259 8888 Fax (603) 4259 8000

E-mail: wecare@lifesgreat.com.my Website: www.lifesgreat.com.my